



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tun Chun letak kalung bunga di Tugu Negara

●PRESIDEN Korea Selatan, Tun Chun Doo Hwan dengan penuh takzim meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara dalam satu istiadat kenegaraan bagi memperingati pahlawan-pahlawan Malaysia yang gugur mempertahankan negara di ibunegara pagi semalam.

Turut hadir di upacara tersebut ialah Panglima Tentera Darat, General Tan Sri Datuk Zain Hashim dan Menteri Pengiring, Datuk Richard Ho.

Selepas upacara tersebut, Presiden yang baru dianugerah gelaran tertinggi negara itu beserta rombongan kemudian di bawa ke Jabatan Perdana Menteri untuk menemui rombongan Malaysia yang di pimpin oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mehamad.

Tun Chun Doo Hwan berada di sini selama tiga hari untuk mempererat hubungan dua hala antara negaranya dengan Malaysia.—
Gambar Berita Harian.

No. Siri 12/062
No. Penerimaan 3875/87